

CNS6135

U EB 09-10 00183 BB091

aab

MAHATHIR SUKACITA KONSEP EAEG DITERIMA OLEH ASEAN

MKK - EAEC

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) - - Perdana Menteri, ^PDatuk Seri Dr Mahathir Mohamad, peng ilham konsep Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), hari ini melahirkan rasa sukacitanya dengan penerimaan konsep itu oleh Asean, walaupun di bawah nama baru.

+Sayaingin menyatakan bahawa bunga mawar walau apapun nama lain yang disebut, tetap wangi. Yang penting apa yang boleh ia lakukan, bukan pada nama, + katanya.

Katanya, konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), nama baru yang diterima oleh mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (MEA) bagi menggantikan EAEG, tidak Sari daripada konsep asal EAEG. Mesyuarat dua hari itu berakhir semalam.

+Saya sukacita kerana mereka telah mencapai kata sepakat ... itu sahaja yang kita pinta, + katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel (MKK) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata EAEG tidak berhasrat menjadi kumpulan berstruktur dengan sekretariat formalnya tetapi hanya sebagai forum di mana negara-negara Asia Timur dapat bertemu dan membincangkan isu-isu bersama mengenai perdagangan dunia. -- Lagi

♥09/10/14-34MST

CNS6142

R EB 09-10 00130 BB092

aab

MKK - EAEC 2 KUALA LUMPUR

Katanya, ianya tidak penting sama ada dipanggil forum, kumpulan atau perundingan kerana yang amat penting ialah negara-negara Asia Timur dibenarkan bertemu dan membincangkan isu-isu antarabangsa.

Adalah menjadi hasrat Malaysia untuk menubuhkan sebuah kumpulan yang membolehkan para anggota bertemu bila-bila masa dirasakan perlu, katanya.

+Kita tidak akan menggubal dasar penting tetapi kita ingin mempertahankan perdagangan bebas.

+Apa yang kita hasratkan ialah anggota kumpulan yang kurang membangun dibantu oleh anggota kumpulan yang maju. Hanya setelah mereka juga sama-sama maju dan makmur, maka mereka akan menjadi pasaran baik di kalangan kumpulan, + katanya.

Bagaimanapun, katanya, usahaharust erus dijalankan untuk menjelaskan konsep itu di kalangan beberapa negara yang masih ragu-ragu untuk menyertai EAEC. -- Lagi

♥09/10/14-43MST

CNS6149

R EB 09-10 00139 BB093

aab

MKK - EAEC 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri. berkata konsep EAEC akan dibangkitkan pada Kemuncak Asean di Singapura pada Januari tahun depan untuk penerimaan oleh ketua kerajaan negara-negara anggota Asean.

Semasa ditanya sama ada beliau masih memerlukan Japan, mengetuai kumpulan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau sering menegaskan bahawa tidak ada sesiapa yang men jadi pemimpin kumpulan itu. +Mungkin seseorang akan dipilih sebagai jurucakap dan mungkin dari sebuah negara terkecil (di kalangan anggota), + katanya, sambil menegaskan bahawa orang itu dikehendaki menerima pandangan kumpulan.

Katanya, beliau hanya men jemput Jepun untuk menganggotai EAEC tanpa menunjukkan bahawa Jepun akan memimpin kumpulan itu.

Ketika ditanya sama ada beliau bersetuju untuk memimpin EAEC, katanya: +Saya? Untuk apa? Tidak perlu ada pemimpin ... mungkin semasa mesyuarat perlunya dilantik seorang pengerusi. + -- Lagi

♥09/10/14-53MST

CNS6158

R EB 09-10 00144 BB094

aab

MKK - EAEC 4 KUALA LUMPUR (akhir)

Perdana Menteri juga berkata syarat-syarat memberi bantuan dan pinjaman kepada negara membangun perlu diteliti supaya tidak men je j askan dengan teruk negara berkenaan, terutamanya yang miskin.

Katanya, ada cakap-cakap pinjaman tidak akan diberi kecuali negara berkenaan tidak merosakkan alam sekitar mereka .

+Saya tidak menyatakan bahawa kita tidak harus membuat syarat tetapi semasa melaksanakannya, kita harus memastikan ia tidak menyebabkan negara-negara seumpamanya menderita lebih teruk daripada penderitaan sekarang, + katanya.

Sebagai contoh, katanya, pinjaman mungkin tidak akan diberi bagi pembinaan empangan elektrik; , dikhuatiri kerana ia akan merosakkan alam sekitar.

+Jika saudara menghalang sebuah negara daripada membangunkan kuasa hidro-elektriknya, saudara sebenarnya memalutsa mereka menggunakan janakuasa thermal. yang kos operasinya tinggi walaupun tidak begitu mahal untuk dibina. Janakuasa thermal akan mengeluarkan asap dengan banyaknya ke udara, + katanya . -- Bernama

♥09/10/15-11MST